

Pelajar cemerlang terima anugerah Kolej Komuniti Pahang

- Oleh MEDIA MULIA
- 18 September 2024, 6:30 am



Graduan program Sijil Teknologi Senibina Kolej Komuniti Kuantan, Mohammad Hafizuddin Mohd Hashim dianugerahkan Anugerah Ketua Pengarah (AKP) pada Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pahang 2024. Anugerah tersebut disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Datuk Dr. Mohd Zahari Ismail di Dewan Canselori Sultan Haji Ahmad Shah, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia (DHU), Pekan, Pahang, baru-baru ni.

Menurut kenyataan Komunikasi Korporat, Politeknik Port Dickson seramai 759 orang graduan daripada 10 kolej komuniti di seluruh Negeri Pahang berjaya menamatkan pengajian bagi sesi ini.

Hafizuddin yang merupakan anak ketiga daripada lima beradik itu tinggal bersama ibunya, Noor Azizah Mohamed seorang guru Kelas Agama Fardu Ain (KAFA) di Sekolah Kebangsaan Seribong,

Kota Bharu, Kelantan dan menetap di Pondok Hashim, Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan setelah kehilangan bapa Mohd Hashim Abu Bakar pada 2014.

Hafizuddin yang juga bekas pelajar dan lepasan tahfiz daripada Maahad ArRahmah Kenali, Kubang Kerian Kota Bharu Kelantan merupakan seorang pelajar yang memiliki prestasi terbaik dalam pencapaian akademik dan kokurikulum apabila meraih keputusan peperiksaan yang cemerlang dalam Himpunan Purata Nilai Mata (CGPA) iaitu 3.96 dan memiliki rekod kehadiran ke kuliah yang konsisten. – UTUSAN